

Pembinaan Modal Insan Dalam Novel Komsas *Kembara Amira* Karya Amer Hmzah L. Kadir

Mohd. Faizal Said

Jabatan Kesusasteraan Melayu
ibnusaid_76@yahoo.com

Ani Omar

ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Kepentingan melahirkan modal insan dalam kerangka dan dasar pendidikan negara bukanlah suatu isu yang baharu. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sendiri dengan jelas menggariskan hala tuju pendidikan negara iaitu mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Falsafah ini menjadi asas utama dalam menjayakan cita-cita dan hasrat negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan bernilai tinggi. Sehubungan dengan itu, sewajarnya kurikulum yang dirancang dan dibina untuk subjek Bahasa Melayu termasuk Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (Komsas) dapat memenuhi cita-cita dan hasrat berkenaan. Justeru, kajian ini ingin menganalisis pembinaan modal insan dalam novel *Kembara Amira* karya Amir Hmzah L. Kadir yang merupakan salah sebuah novel Komsas untuk Tingkatan Lima Zon Utara. Sebagai landasan dalam menganalisis novel ini, Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dijana oleh Mohd Yusof Hassan (2007) akan digunakan. Teori ini menjelaskan bahawa setiap manusia perlu memiliki pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan, dan pemikiran kekreatifan secara bersepadu dan seimbang bagi melahirkan manusia yang

soleh atau solehah, sarjana, saintis, dan seniman. Empat pemikiran ini begitu selari dengan unsur-unsur dalam FPK. Kaedah penelitian yang digunakan ialah teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi (*content analysis*) dengan mengaplikasikan empat pemikiran dalam Teori SPB4K ke atas novel untuk meneliti pembinaan modal insan yang dikemukakan oleh pengarang. Hasil kajian menunjukkan pengarang berjaya merangkumkan keempat-empat pemikiran SPB4K dalam usaha mengangkat keperibadian terpuji Amira. Ini membuktikan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para guru boleh mengangkat Amira sebagai ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh pelajar dengan menganalisisnya menerusi pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan.

Kata kunci Modal Insan; Falsafah Pendidikan Kebangsaan; Teori SPB4K; Komsas

Abstract

The significance in producing the human capital within the carcass and national education policy is not a new issue. National Education Philosophy itself has clearly highlighted the aim of education in our country which is fully exposing the individual potential and integration to produce an individual which is balance and harmony in the aspect of intellectuality, spirituality, emotionally and physically based on a firm belief in and devotion to God. This philosophy has been the core basic in achieving the country's ambition and hope to produce the human capital that good in quality and high values. Due to this matter, planned and built curriculum for the Bahasa Melayu subject including the Component of Art in Bahasa Melayu (KOMSAS) should fulfill the respective aim. Then, this research will analyse the development of human capital in Kembara Amira novel by Amir Hamzah L. Kadir which is one of the Komsas novels for Form 5 in North zone. As a frame in analysing this novel, the theory of Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) generated by Mohd Yusof Hassan (2007) will be used. This theory explains that every human should own a balance and integrated spiritual thinking, niche thinking, scientific thinking and creative thinking in producing an Islamic, specialist, scientist and performer individual. These four types of thinking is corresponded with elements in National Education Philosophy. Conscientious method that being used is close reading techniques and content analysis which practising the four types of thinking in SPB4K theory on the novel to study the

elements of human capital that being emphasised by the writer. The finding shows the writer has succeeded in embracing all the four types of thinking in SPB4K to emphasis the good value of Amira in the novel. It shows in order to highlight Amira as the human capital icon to students in teaching and learning process, the teachers need to analyse it through spiritual, niche, scientific, and creative thinking concept.

Keywords *Human capital; National Education Philosophy; SPB4K theory; Component of Art in Bahasa Melayu (Komsas)*

Pendahuluan

Pendidikan menjadi wahana terpenting dalam usaha kerajaan mentransformasikan negara ke arah mencapai negara maju dengan menyediakan sumber tenaga berkualiti bagi pasaran global. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) secara konsisten dan berterusan berusaha menyediakan pendidikan yang menekankan pembangunan insan kamil. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sendiri dengan jelas dan tegas menggariskan hala tuju pendidikan negara iaitu mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Kesungguhan pihak kementerian dalam hal ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 (PIPP) yang meletakkan usaha membangunkan modal insan berkualiti sebagai teras kedua. Dalam hal ini, pendidikan dilihat sangat memberikan impak dalam penghasilan pelajar yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah. (PIPP 2006–2010, 2006: 52).

Sehubungan dengan pernyataan di atas, kesusasteraan yang juga sebahagian daripada kurikulum pendidikan yang diguna pakai di peringkat sekolah di negara ini pasti tidak terkecuali dalam usaha pembinaan modal insan dalam kalangan pelajar. Jika memperkatakan kesusasteraan di sekolah, tentu sekali yang lebih relevan untuk

diperhalusi ialah Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (Komsas). Secara dasarnya, pengenalan Komsas bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis, selain memupuk dan meningkatkan minat membaca serta apresiasi sastera dalam kalangan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Bagaimanapun, menerusi nilai-nilai estetik yang diajar dalam P&P, Komsas juga berperanan dalam mendidik murid agar mengamalkan keperibadian yang seimbang. Komsas akan membentuk jati diri dalam kalangan murid, selain membantu memberikannya ilmu pengetahuan yang baharu (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2007: 18). Melalui pembacaan karya-karya Komsas, secara tidak langsung murid dapat mengukuhkan kemahiran insaniah di dalam diri masing-masing (Ibrahim Mohamad, 2011: 11). Dengan kata lain, Komsas mampu menjana minda yang kreatif dan kritis, rohani dan emosi insan yang seimbang, mengukuh jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap ke arah pembinaan insan bestari.

Justeru, kajian ini ingin melihat kemampuan teks Komsas dalam pembinaan modal insan dengan memberi fokus kepada teks novel *Kembara Amira* karya Amer Hmzah L. Kadir yang merupakan salah sebuah novel Komsas untuk Tingkatan Lima Zon Utara. Sebagai landasan dalam menganalisis novel ini, Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dijana oleh Mohd Yusof Hassan (2007) akan digunakan. Penelitian akan berfokus kepada pembentukan pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan dalam diri pelajar menerusi teks yang pada akhirnya melahirkan modal insan yang berkualiti, cemerlang, dan seimbang. Hasil analisis yang dilakukan diharap dapat memberi panduan dan membantu para guru untuk melihat novel *Kembara Amira* daripada perspektif pembinaan modal insan dengan mengangkat satu ikon yang dekat dengan pelajar dan boleh diteladani oleh mereka.

***Kembara Amira* (2007) Karya Amer Hmzah L. Kadir**

Kembara Amira menggunakan plot pengembaraan (*adventure*), iaitu corak naratif yang menggerakkan perhatian pembaca kepada waktu, tempat dan latar yang berubah-ubah. Novel ini menyelongkar cerita tentang bidang arkeologi dan pelestarian alam sekitar, di samping pencarian emas yang amat menarik dan informatif. Novel ini turut

memaparkan realiti masyarakat yang tidak menjurus hanya kepada satu kaum atau bertendensi etnosentrik. Novel ini menampilkan watak-watak Melayu, Cina, Inggeris-Australia, dan orang Asli yang memiliki latar belakang berbeza dari segi bangsa, kepercayaan, kebolehan, dan profesion. Misalnya Profesor Zaidah dengan kajian arkeologinya, John O'Hara dengan misi pencarian emasnya dan Tau dengan kecintaan terhadap tanah tumpah darahnya, serta harapan melestarikan habitat semula jadi.

Melalui sudut pandangan Amira, pembaca didorong untuk melihat dan mentafsir hati budi manusia dalam menegakkan keyakinan dalam pandangan dunia masing-masing. John O'Hara melambangkan watak tipikal Inggeris yang menjadikan kawasan petempatan orang asli sebagai lubang pencarian emas. Tau mewakili watak peribumi yang kental dalam mempertahankan haknya daripada dicerobohi. Profesor Zaidah pula mewakili bangsa Melayu atau ahli akademik yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan baharu.


Amira sebagai protagonis digambarkan sebagai remaja cekal, gigih, dan tabah. Selain menyertai kerja-kerja cari gali ibunya, Amira turut memberikan sumbangan dalam menggagalkan usaha pencarian emas oleh John O'Hara, menyelamatkan Itai daripada dikenakan tindakan oleh ahli puaknya dan menemui Malique yang hilang di Gunung Gua Gajah. Novel ini dileraikan dengan penyudahan yang membahagiakan. Kumpulan penyelidik yang disertai Amira berjaya menemui artifak-artifak dan tulang-tulang manusia yang membuktikan kewujudan petempatan masyarakat neolitik di Bukit Mat Raya. Malah, tanpa disangka-sangka, kehadiran mereka di situ berjaya menemukan semula sebuah keluarga (Tau, Itai, Malique, dan Ipah *alias* Jeniffer) yang begitu lama terpisah oleh jarak dan waktu.

FPK dan Teori SPB4K

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007: 236), selain Addinul Islam, tamadun Barat dan Timur, kemajmukan masyarakat Malaysia yang menjadi sumber pembinaan Teori SPB4K, satu lagi yang penting ialah FPK. Secara dasarnya, FPK yang digubal pada tahun 1988 dilihat sangat bertepatan dengan keperluan kerajaan dalam melahirkan modal insan yang dapat menyeimbangkan pembangunan fizikal dan spritual negara. Falsafah ini dengan jelas dan tegas menggariskan hala tuju pendidikan negara iaitu mengembangkan potensi individu secara

menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Jelas sekali unsur-unsur dalam FPK ini bertepatan dengan empat pemikiran yang menjadi intipati pembentukan Teori SPB4K iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan. Perkaitan antara keduanya dapat dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Perkaitan Elemen-elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Teori SPB4K



(Diubah suai daripada Mohd. Yusof Hasan, 2007)

Unsur-unsur rohani yang merangkumi unsur-unsur seperti kepercayaan kepada Tuhan, negara, kemantapan jiwa, dan penghayatan nilai-nilai murni merupakan antara ciri yang mendasari pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K. Sementara itu, unsur intelek yang merujuk kepada kebijaksanaan dan kecemerlangan otak manusia sangat selari dengan pemikiran kebitaraan. Unsur jasmani pula yang mempunyai kaitan dengan kesihatan dan kecergasan fizikal adalah sebahagian daripada pemikiran kesaintifikan. Akhir sekali, unsur emosi yang melengkap prinsip-prinsip dalam FPK mempunyai persamaan yang ketara dengan pemikiran kekreatifan yang menekankan kreativiti, imaginasi, inovasi, dan idea-idea baharu.

Secara prinsipnya, pemilihan novel *Kembara Amira* sebagai teks Komsas tentunya berdasarkan kemampuan novel ini untuk meletakkan satu ikon atau idola yang memiliki ciri-ciri modal insan terpuji dan cemerlang seterusnya mampu menjadi contoh ikutan kepada para pelajar dan remaja. Sekaligus, berjaya menterjemahkan unsur-unsur

yang digariskan dalam FPK menerusi kajian novel. Melihat pula pertalian yang cukup rapat antara FPK dan Teori SPB4K, justeru sangat wajar teori ini dijadikan landasan untuk meneliti dan menganalisis pembinaan modal insan dalam novel *Kembara Amira*.

Pembinaan Modal Insan dalam *Kembara Amira*

Karya-karya kesusasteraan sudah lama berperanan sebagai agen pembinaan modal insan. Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2010:41), kesusasteraan berperanan dalam membangunkan sahsiah, memurnikan sahsiah dan memelihara kejernihan makna pembangunan negara. Manakala Shahnnon Ahmad (1991) menekankan bahawa kesusasteraan berperanan membangun peribadi insani. Apabila memperkatakan model modal insan, tentunya yang akan menjadi fokus ialah watak yang berperanan dalam sesebuah karya kesusasteraan tersebut. Dalam konteks *Kembara Amira*, tumpuan akan diberikan kepada watak protagonisnya iaitu Amira. Kajian ini akan meneliti ciri-ciri modal insan yang dimiliki oleh Amira dengan mengupasnya menerusi aspek pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan.

Pemikiran Kerohanian

Konsep keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT adalah prinsip utama dalam pemikiran kerohanian. Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Quran bahawa manusia dan jin dijadikan untuk berbakti dan beribadat kepada-Nya. Menyembah Allah SWT bermaksud memusatkan penyembahan kepada-Nya semata-mata dengan cara menjalankan dan mengatur seluruh aspek kehidupan dunia ini zahir dan batin sesuai dengan kehendak Ilahi, sama ada sebagai hamba dengan Khaliq atau antara sesama manusia. Segala kegiatan setiap hamba sama ada yang berupa ibadah atau muamalat perlu dilakukan dalam rangka penyembahan kepada Allah SWT dengan matlamat mencapai keredhaan-Nya. Keredaan inilah yang menjadi tujuan hakiki manusia yang memungkinkan tercapainya matlamat hidup yang sebenar (Nor Raudah Siren 2006: 57). Hal ini bermakna sebagai hamba atau khalifah, manusia berperanan untuk mengamalkan apa yang disuruh dan meninggalkan apa sahaja yang ditegah oleh agama dalam misi mencari keredaan Allah SWT.

Novel *Kembara Amira* tidak meletakkan persoalan keagamaan dan perjuangan mempertahankan Islam sebagai mauduk penceritaannya. Novel ini mengangkat bidang arkeologi sebagai subjek persoalan dan meletakkan Amira, anak kepada Profesor Zaidah sebagai pelaku utamanya. Sesuai dengan tema yang dibangunkan, Amer Hmzah L. Kadir mempersembahkan watak Amira sebagai remaja Melayu Islam yang sederhana dari aspek ketinggian ilmu agama dan ketekunan dalam beribadah. Bagaimanapun, satu sifat terpuji yang dimiliki oleh Amira ialah beliau sangat menjaga ibadahnya kepada Allah SWT. Hal ini terbukti apabila Amira tidak dapat menunaikan solat Subuh dalam perjalanannya ke Bukit Mat Raya kerana berada di dalam keretapi. Setelah tiba ke stesen, tanpa berlengah Amira segera mencari bilik sembahyang untuk mengqada fardu Subuh yang belum ditunaikannya. Hanya selepas selesai melangsaikan hutangnya kepada Allah SWT, barulah Amira berasa tenang dan ceria (Amer Hmzah, hal.17).

Amira juga digambarkan sebagai seorang yang taat, patuh, dan sangat menghormati ibunya meskipun Amira sering diabaikan dan ditinggalkan kerana kesibukan Profesor Zaidah dengan kajian-kajian arkeologinya. Keperibadian sebegini sangat menepati prinsip Islam yang meletakkan ibu bapa pada satu kedudukan yang tinggi.

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(al-Isra': 23)

Sifat kepatuhan Amira kepada ibunya terserlah dalam satu peristiwa ketika Amira disabitkan dengan tuduhan melulu dan tidak benar. Ibunya, Profesor Zaidah menyalahkan tindakan Amira yang berniat untuk berjumpa dengan pemuda bernama Malique hingga menyebabkan Amira terjatuh ke sungai dan dibawa arus deras manakala sahabatnya Jacinta hilang di dalam hutan. Amira sedar ibunya tersilap kerana menyalah tafsir tujuan pertemuannya dengan Malique yang sebenarnya bermatlamat untuk mendapatkan informasi

tentang kumpulan pencari gali emas di hutan itu. Bagaimanapun, kesilapan ibunya tidak dijadikan alasan oleh Amira untuk meninggikan suara atau bersikap kurang ajar – satu sikap yang sebenarnya agak relatif dengan jiwa remaja. Sebaliknya, dengan tutur yang lembut dan penerangan yang cukup sopan, Amira menyejukkan hati ibunya yang sedang bergelora itu (Amer Hmzah, hal. 70–71). Keperibadian sebegini pastinya sangat berkait rapat dengan kekuatan iman dan keyakinan bahawa menghormati dan menyayangi ibu bapa adalah salah satu jalan untuk ke syurga, seperti kata yang selalu diulang sebut apabila kita memperkatakan martabat ibu iaitu “syurga di telapak kaki ibu”.

Selain itu, Amira juga memiliki kemantapan akidah yang terpuji. Amira berperwatakan sebagai remaja bandar yang kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapanya, malah menghabiskan sebahagian besar dunia remajanya di asrama. Minatnya yang suka membaca dan meneroka ilmu-ilmu baharu serta kemahirannya menguasai teknologi menyebabkan Amira sering terdedah dengan kebanjiran idea dan pandangan moden khususnya dari Barat. Pandangan ini pula ada yang bertentangan dengan kepercayaan yang selama ini menjadi pegangan masyarakat Islam. Bagaimanapun, ini sekali-kali tidak menggugah kekuatan iman dan kepercayaan Amira terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT. Kemantapan akidah Amira jelas daripada kenyataannya tentang bidang arkeologi yang sering mencetuskan kontroversi:

...Amira tahu, bidang arkeologi telah menimbulkan pelbagai kontroversi dan untuk mengelakkan kontroversi berterusan, mereka perlu meletakkan agama di tempat teratas. Bagi Amira sendiri, dia tidak dapat menerima teori yang mengatakan manusia berasal daripada berukera atau mawas seperti yang didakwa oleh Darwin

(Amer Hmzah, hal.7)

Pemikiran Kebitaraan

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007: 63), pemikiran kebitaraan sangat berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang mampu berfikir cemerlang dan gemilang. Pemikiran ini menjadi teras kepada pembinaan paradigma pemikiran dalam peradaban Malaysia dalam menghadapi zaman globalisasi yang penuh cabaran. Pemikiran

ini merujuk kepada pemikiran kecemerlangan, kegemilangan, dan kebijaksanaan. Novel sebagai salah satu genre kesusasteraan turut menjadi medium menyalurkan kebitaraan pemikiran pengarangnya yang dilahirkan menerusi watak-watak yang berfikir dan bertindak secara bijaksana. Dalam konteks *Kembara Amira*, ternyata watak Amira sangat sesuai untuk diteliti menerusi pemikiran ini kerana Amira memiliki kebitaraan pemikiran yang tinggi, malah ada kalanya dilihat tidak sepadan dengan faktor usianya yang masih remaja dan mentah. Bagaimanapun, dalam konteks novel remaja, pemberian keperibadian yang hebat kepada watak sangat wajar memandangkan watak-watak ini akan menjadi contoh ikutan para pelajar. Othman Puteh (1995:416) pernah menyatakan bahawa tidak salah menjadikan watak dalam novel sebagai ideal dari aspek keperibadian kerana ia perlu sebagai teladan dan ikutan para remaja.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pemikiran kebitaraan yang merujuk kepada kebijaksanaan dan kecemerlangan otak manusia sangat selari dengan unsur intelek dalam FPK. Unsur ini menggariskan betapa perlunya murid sentiasa berusaha mencari ilmu untuk mendapat, meningkat, dan menyebarkan ilmu. Dalam konteks *Kembara Amira*, Amira dapat digolongkan dalam kumpulan yang mempunyai daya keintelektualan yang tinggi. Selain menguasai pelbagai lapangan ilmu, nilai intelek dalam dirinya juga boleh dilihat melalui cara berfikir dan kebijaksanaannya dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Ini boleh dibuktikan ketika Amira merungkai persoalan yang timbul daripada penemuan *mobile disk* dalam Gunung Gua Gajah seterusnya membawa kepada penemuan Malique di situ. Hasil sumbangannya itulah, Itai tanpa teragak-agak mencadangkan agar Amira diangkat sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah antara Tau dan Jennifer (ibu bapa Malique yang telah terpisah kerana masalah keturunan dan warna kulit) yang berebutkan Malique. Pertemuan mereka di hutan tersebut sejak awal-awal lagi telah bermula dengan suasana yang ‘pana’ apabila faktor tempat sahaja sudah menimbulkan pertikaian. Ludin, abang Tau dan selaku ketua kampung di situ berkeras agar perbincangan dibuat di kampungnya manakala Jennifer yang sudah serik dengan layanan masyarakat di situ kepadanya sebelum ini (hingga menyebabkannya lari mengikut Johnny) enggan berkompromi. Di sinilah Amira menunjukkan kepantasannya berfikir dan membuat keputusan yang cukup bijak bagi memecahkan kebuntuan itu (Amer Hmzah, hal. 340–341).

Ternyata keputusan yang dibuat oleh Amira dipersetujui oleh semua sehingga perbincangan dapat dibuat dengan baik. Sebagai seorang yang masih remaja adalah suatu penghormatan apabila pandangan Amiran didengar malah dituruti. Sedangkan dalam waktu yang sama, terdapat orang yang lebih tua dan berpengalaman dalam kalangan mereka, misalnya ibunya sendiri, Dr. Zawawi, Ludin, dan juga Tau. Sepanjang berada di hutan itu, Amira telah memberikan imej yang cukup baik kepada daya intelegnya melalui pelbagai peristiwa yang berlaku. Bermula dengan penemuan artifak, pemulangan emas yang ditemui di dasar sungai, usahanya menggagalkan projek cari gali emas sehinggalah kes kehilangan dan penemuan semula Malique, Amira membuktikan kepada semua tentang kemampuannya. Jadi, tentulah penghormatan yang diberikan kepadanya sangat berkaitan dengan nilai intelek dalam dirinya yang telah diakui oleh semua yang berada di sekelilingnya.

Seterusnya, pemikiran kebitaraan turut merangkumi keupayaan seseorang untuk memupuk sikap budaya positif di dalam dirinya. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007:91), dalam menghadapi wawasan, setiap rakyat perlu memupuk budaya baru yang positif dan dinamik. Apa yang perlu dilakukan ialah ‘Bina Budaya Baik’ dan ‘Banteras Budaya Buruk’. Dalam dunia yang cukup mencabar, setiap individu perlu mengubah sikap, lari daripada kebiasaan dan mesti berhijrah kepada sesuatu yang lebih baik. Nilai-nilai baharu yang positif perlu segera menggantikan tabiat-tabiat lama yang negatif. Dalam FPK, seseorang yang mempunyai daya intelek yang tinggi sudah pasti berjaya memupuk budaya positif dan ingin segera mengubah citra negatif kepada yang lebih positif. Sikap ingin berubah ini turut dimiliki oleh Amira. Walaupun pada sepanjang plot penceritaan, watak Amira dibumbui dengan citra positif dan mengagumkan, sebagai mewakili watak manusia biasa, Amira tidak terlepas daripada memperagakan nilai yang negatif. Misalnya, sifat cepat berputus asa dan mudah patah semangat yang dapat kesian ketika usaha mencari Malique menemui jalan buntu. Sebagai perencana kepada pencarian itu, sedikit banyak kekenduran azam Amira turut mempengaruhi yang lainnya. Nasib baiklah, semangat yang pudar itu cepat-cepat dipulihkan oleh Itai melalui kata-katanya yang cukup ironi dan memberi kesan, seperti petikan di bawah:

“Kalau Amira tidak mampu lagi, saya sedia menghantar Amira ke pintu gua dan Mira boleh turun dan tunggu kami di sana. Saya minta

maaf kerana saya terpaksa.” Itai menunggu reaksi kawannya kerana dia lebih suka Amira meneruskan usaha yang mereka lakukan”

(Amer Hmzah, hal.297)

Apa yang ingin dibicarakan di sini ialah bukanlah sisi negatif Amira tetapi sikap positifnya yang boleh menerima kritikan dan pandangan orang lain bagi menambah baik peribadi dan gerak tindaknya. Amira menerima pandangan Itai tanpa prejudis dan dengan berdada lapang. Amira mula memuhasabah dirinya dan mengakui ada kekurangan dalam dirinya yang perlu dipulihkan. Dia akhirnya membulat tekad untuk meneruskan pencarian sehingga akhirnya berjaya menemui Malique di salah satu lubang di bumbung gua.

Selain itu, kebitaraan yang dimiliki oleh Amira menerbitkan rasa keberanian dalam dirinya. Dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, Amira berani berada di barisan hadapan dan bertindak sebagai ketua dalam apa juga tindakan yang dilakukan bersama rakan-rakannya. Sejak awal lagi, keberanian Amira sudah terserlah apabila sanggup masuk ke dalam hutan untuk bersama-sama ibunya mencari peninggalan sejarah zaman lampau di tapak-tapak cari gali. Setelah tiba di sana (Desa Karpus), Amira semakin yakin dengan keputusannya apabila mengetahui betapa pentingnya penyelidikan ibunya kali ini. Hasil penemuan ibunya di Desa Karpus akan menentukan masa depan hutan tersebut apabila dalam masa yang sama, ada usaha untuk mengeluarkan balak dan mencari gali emas di kawasan tersebut. Kejayaan penyelidikan itu akan membawa kepada pengiktirafan kawasan tersebut sebagai kawasan arkeologi dan sekaligus menamatkan sebarang usaha bersifat material di situ.

Ini memberi impak kepada keberanian Amira. Bersama-sama Itai dan Jacinta, Amira berusaha dengan cukup berani untuk menggagalkan projek cari gali emas dan usaha pembalakan di kawasan hutan yang belum tercemar itu. Antaranya, Amira memberanikan diri dengan membuat pertemuan dengan Malique (salah seorang yang terlibat dalam usaha cari gali emas) yang tidak begitu dikenalnya di kawasan air terjun sehingga secara tidak sengaja, Amira berhadapan dengan situasi mencemaskan apabila hanyut dibawa arus deras. Amira dapat diselamatkan oleh Itai dan Tau yang berjaya memulihkannya dengan rawatan herba.

Keberanian Amira dalam usahanya ini paling ketara apabila sanggup menawarkan diri untuk ke tapak penemuan baharu di

Gunung Gua Gajah. Semangatnya semakin meluap-luap apabila diberitahu bahawa penemuan di gua tersebut akan mengukuhkan lagi harapan untuk menjadikan kawasan itu sebagai tapak arkeologi. Walaupun cabaran yang ditempuhi sukar, iltizamnya untuk mencari penemuan sejarah lampau bagi menyelamatkan hutan tersebut menyebabkan Amira menjadi begitu berani. Berbekalkan sedikit pengalaman ketika menyertai program *outdoor* di sekolah, Amira bersama-sama yang lainnya termasuk Jacinta, Itai, Dr. Zawawi, dan Rusdi berjaya menempuh pelbagai kesukaran untuk tiba di puncak gua. Pengorbanan dan risiko yang ditanggung akhirnya berbaloi apabila daripada artifak dan lukisan yang ditemui ternyata Gunung Gua Gajah memang merupakan penempatan manusia Melayu-Proto (Amer Hmzah, hal. 233). Penemuan ini sekaligus memberikan titik noktah ke atas sebarang usaha berbentuk mencari keuntungan di kawasan hutan tersebut. Amira adalah insan yang paling gembira kerana dalam usia belasan tahun lagi, dia sudah membuktikan bahawa nilai keberanian yang lahir daripada acuan kebijaksanaan dan kecemerlangan pemikiran berjaya memberikan sesuatu yang bermakna kepada usaha pelestarian alam sekitar.

Pemikiran Kesaintifikan

Mohd. Yusof Hassan (2007:99) menyatakan pemikiran kesaintifikan atau pemikiran logik teretus dari hemisfera otak kiri atau hoki. Terdapat beberapa konsep dalam ilmu logik ini ataupun yang disebut ilmu mantiq dalam bahasa Arab. Menurutnya lagi, pemikiran jenis ini sangat penting dalam pembinaan paradigma pemikiran peradaban Malaysia dan global yang dipenuhi dengan unsur-unsur sains dan teknologi. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pemikiran kesaintifikan mempunyai perkaitan dan persamaan dengan unsur jasmani dalam FPK. Dalam kajian ini, pemikiran kesaintifikan akan dipertalikan dengan realiti, iaitu dengan melihat unsur-unsur logik, benar, dan fakta yang membantu pengarang memantapkan keperibadian Amira sebagai model modal insan pelajar.

Pertamanya dari aspek ilmu, Amira sangat meminati ilmu yang berasaskan kepada unsur logik, benar, dan fakta. Dua ilmu yang begitu dikuasainya ialah arkeologi dan geografi. Walaupun masih di bangku sekolah, bidang arkeologi merupakan bidang yang sangat dekat dengan jiwa Amira kerana terdidik dan terangsang dengan kerjaya

ibunya Profesor Zaidah. Sebagai seorang arkeologis, Profesor Zaidah bukan sahaja terkemuka di peringkat domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, Amira memiliki pengetahuan yang luar biasa tentang arkeologi. Amira sering menjadi pembantu ibunya dalam pelbagai perkara dan situasi. Sebagai seorang pengendali laman web ibunya yang sangat tepu dengan bahan-bahan arkeologi, Amira sering terdedah dengan kaedah-kaedah kajian serta penemuan-penemuan terkini dalam bidang ini. Tambahan pula, Amira sering diarahkan oleh ibunya untuk mengemas kini laman web tersebut dengan penemuan-penemuan terbaharu. Tugas-tugas seperti ini telah mengakrabkan Amira dengan bidang arkeologi sehingga Amira boleh menerangkan dengan baik tentang 'empunya' tulang yang ditemui (Amer Hmzah, hal.7) serta peri pentingnya ketelitian dan sikap berhati-hati ketika mengeluarkan artifak daripada tanah tapak kajian (Amer Hmzah, hal.190).

Amira juga sangat meminati malah menguasai ilmu geografi dengan baik, lebih-lebih lagi penafsiran peta. Sebagai contoh, Amira mampu untuk menentukan lokasi sesebuah tempat dengan dibantu dengan teknologi berkaitan dengannya, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Amira membaca kembali e-mel itu sambil mengkaji peta lokasi yang dikirim oleh ibunya. Dia menggunakan kemahiran mentafsir peta berdasarkan teknologi terkini. Apabila ditukarkan peta kepada garisan kontur, terbentuklah imej menyerupai bulan sabit. Lalu dia membuat andaian, suatu ketika dahulu ketika aras laut menenggelamkan sebahagian besar kawasan daratan, Bukit Mat Raya ialah sebuah telukan dan pelabuhan. Untuk memastikannya, kandungan tanah perlu dikaji

(Mohd. Yusof Hassan, 2007: 9)

Sebagai seorang remaja, Amira turut tidak ketinggalan dalam penguasaan teknologi maklumat. Sepanjang plot penceritaan, teknologi maklumat seolah-olah menjadi sebahagian daripada diri Amira. Dia begitu akrab dengan penggunaan teknologi. Di tangan Amira, teknologi bukan sekadar melangsungkan komunikasi antara dirinya dengan ibunya atau rakan-rakannya tetapi Amira turut mempunyai kemahiran mengendalikan laman web milik ibunya. Ketika Profesor Zaidah berada jauh di perut hutan iaitu di Bukit Mat Raya, Amira menjadi

batu penghubung untuk menyalurkan segala penemuan mutakhir di tapak kajian ke laman web ibunya. Ini membolehkan penemuan itu dikongsi bersama oleh rakan-rakan ibunya di seluruh dunia, seperti yang tergambar dalam petikan berikut:

E-mel terbaru daripada ibunya menyertakan beberapa keping gambar terbaharu penemuan tulang karpus, iaitu tulang pergelangan tangan tetrapod yang belum dinyatakan usianya. Bersama-sama gambar itu disertakan pesanan agar penemuan baharu itu dimasukkan ke dalam laman web ibunya supaya kejayaan itu dapat diakses oleh rakan-rakan ibunya dari seluruh pelosok dunia...Semua itu telah dipelajari daripada ibunya. Sebagai produser laman web ibunya, Amira terus memasukkan maklumat tentang penemuan terbaru itu

(Mohd. Yusof Hassan, 2007: 7)

Amira turut memanfaatkan pengetahuannya tentang teknologi maklumat dengan mengakses internet dan menyelongkar ensiklopedia bagi mencari fakta dan bukti tentang kemusnahan yang bakal dirasai oleh penghuni Bukit Mat Raya ekoran projek cari gali emas di situ. Amira ingin meyakinkan rakan-rakannya betapa penting semua pihak menyokong projek arkeologi yang dijalankan oleh ibunya kerana projek tersebut boleh menggagalkan usaha sebuah syarikat swasta yang ingin mengorek emas di kawasan tersebut (Amer Hmzah, hal. 95)

Selain meneliti perkara-perkara yang bersifat saintifik dan teknologi, sebenarnya pemikiran kesaintifikan juga boleh diaplikasikan untuk menilai sifat dan keperibadian watak. Bagaimanapun, sifat tersebut perlu menjurus kepada perkara-perkara logik, benar, dan fakta. Antaranya ialah berfikir secara rasional, waras dan terbuka dalam menangani sesuatu permasalahan dan perhubungan. Amira memiliki keperibadian ini dan contoh jelas yang boleh diperturunkan di sini ialah kerasional, kewarasan, dan keterbukaan Amira dalam soal hubungan sosialnya dengan berlainan bangsa dan agama. Dua sahabat karib Amira sepanjang pengembaraannya di Desa Karpus dan Bukit Mat Raya ialah Jacinta dan Itai. Kedua-duanya adalah sahabat Amira yang berbeza warna kulit, agama, dan bangsa dengannya. Jacinta gadis manis berketurunan Cina memang sudah menjadi teman akrabnya sejak di sekolah lagi. Sementara itu, Itai merupakan orang asli yang baru dikenalnya di hutan tersebut. Hubungan antara Amira dan Jacinta digambarkan paling akrab. Sebagai rakan sebilik di asrama, hubungan

mereka sudah seperti adik beradik, malah Profesor Zaidah sendiri menyayangi Jacinta seperti anaknya (Amer Hmzah, hal.33).

Hubungan sosial yang melewati batas bangsa dan agama inilah yang menyebabkan Jacinta menjadikan Amira sebagai tempat meluahkan perasaan dan mengadu masalahnya, terutama masalah antara dia dengan bapanya. Sebagai anak kehilangan ibu dan bapanya pula sibuk dengan perniagaan, hubungan kekeluargaan mereka agak longgar. Ini diburukkan dengan tindakan bapanya berkahwin lagi dan Jacinta tidak menyenangi ibu tirinya itu. Kecelaruhan yang membumbui perjalanan hidup Jacinta diubati dengan kemesraan dan kasih sayang seorang sahabat yang ditunjukkan oleh Amira. Sebagai cara mengubati lukanya, Amira mengajak Jacinta mengikutnya ke Desa Karpus dan bersama-sama menikmati keseronokan di hutan yang permai itu. Ternyata pengalaman pahit-manis dan suka-sedih ketika berada di sana mengisi kekosongan jiwa Jacinta, seperti emelnya kepada Amira di bahagian prolog cerita "...kenangan di hutan itu akan kusimpan sebagai memori buat selama-lamanya" (Amer Hmzah, hal. 359).

Selain Jacinta, keakraban hubungan Amira dengan sahabat berlainan bangsa turut terserlah melalui hubungannya dengan Itai, remaja Orang Asli yang bijak dan berpendidikan yang tinggal di hutan itu. Hubungan persahabatan mereka bermula dengan peristiwa mendebarkan apabila Amira yang dihanyutkan arus deras telah diselamatkan oleh Itai dan bapa saudaranya, Tau. Selain jasanya yang cukup besar menyelamatkan nyawa Amira, kemesraan Itai turut menjadi pencetus kepada permulaan ikatan persahabatan mereka. Sepanjang penceritaan dalam novel ini, Amira sentiasa mendapat bantuan Itai dalam apa-apa sahaja pengembaraan mereka di Bukit Mat Raya. Antaranya dalam usaha mencari Jacinta yang sesat, mencari Malique yang diculik lembaga misteri dan mencari artifak di Gunung Gua Gajah.

Dalam hubungan mereka, Amira, Jacinta dan Itai berfikir secara saintifik dengan melihat kerasionalan dan manfaat daripada hubungan mereka. Dalam konteks kesusasteraan, menurut Mohd. Yusof Hasan (2007:100), watak-watak di dalam karya akan bertindak ke arah mencapai satu keputusan yang dibuat melalui proses penaakulan dan berdasarkan peristiwa yang rasional setelah yakin dengan bukti-bukti yang konkrit, benar, logik, dan perlu. Ternyata mereka menggunakan kewarasan fikiran dan memanfaatkan hubungan baik sesama mereka untuk menyelamatkan Bukit Mat Raya daripada kemusnahan akibat cari gali emas dan pembalakan.

Pemikiran Kekreatifan

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007:125), pemikiran kekreatifan dalam teori SPB4K adalah lanjutan pemikiran lateral Edward de Bono. Pemikiran ini bukan sahaja mementingkan seni, kreativiti, imaginasi, dan estetika, malah berkaitan juga dengan inovasi dan idea-idea baharu yang dapat memberikan kesejahteraan kepada dunia. Lazimnya bahagian otak kanan atau Hoka seseorang manusia yang mencetuskan pemikiran kekreatifan. Dalam pemikiran ini terdapat pelbagai kemampuan otak seperti boleh mengeluarkan idea baharu, mengubah suai idea, menggunakan pelbagai kaedah, kreativiti, kadang kala idea bersifat 'gila-gila', imaginatif, inovatif, dan alternatif. Apabila pemikiran dalam kategori ini diaplikasikan dalam kajian kesusasteraan, kajian boleh dibuat menerusi dua pendekatan iaitu pendekatan intrinsik (dalaman) dan pendekatan ekstrinsik (luaran). Menerusi pendekatan intrinsik kajian dibuat dengan menilai karya-karya kesusasteraan dari sudut teknik, stail, atau gaya bahasa manakala melalui pendekatan ekstrinsik pula kajian akan berfokus kepada aspek estetika dan keindahan seni. Dalam kajian ini, kebolehan pengarang dalam memanipulasi kekreatifan Amira dalam merencana dan menyelesaikan segala masalah di Desa Karpus dan Bukit Mat Raya akan dikupas dengan meneliti idea-idea baharu, sifat imaginatif, kreativiti, dan sebagainya yang dimiliki oleh Amira.

Sebenarnya idea untuk menghabiskan cuti persekolahan di Bukit Mat Raya itu sendiri sudah boleh dianggap sebagai idea yang kreatif dan gila-gila tetapi membawa banyak manfaat kepada Amira. Ketika rakan-rakan lain yang sebayanya memenuhkan kesenggangan percutian mereka dengan melancong atau pulang ke kampung, Amira melihat keseronokan yang sebenar ialah dapat meluangkan masa bersama-sama ibunya, meskipun terpaksa mengharung perjalanan yang sukar menuju jauh ke dalam hutan. Jacinta sendiri menolak untuk ke London atau sekurang-kurangnya pulang ke banglo mewah milik ayahnya di Pantai Batu Feringgi, hanya kerana ingin mengikut pengembaraan bersama-sama Amira. Idea gila-gila mereka ternyata memberikan pengalaman yang cukup berharga apabila mereka terjebak dengan pelbagai masalah dan kerumitan sepanjang berada di sana. Apa yang lebih membahagiakan, mereka menjadi sebahagian daripada tokoh-tokoh yang berjaya menyelamatkan Bukit Mat Raya daripada mangsa kerakusan pencari emas dan pembalak haram.

Selain itu, sifat gila-gila Amira juga jelas dalam tindakannya pergi menemui Malique seorang pemuda yang tidak begitu dikenali

tanpa pengetahuan ibunya. Meskipun dihantui dengan cerita lembaga misteri dan gangguan di sekitar tapak khemah dan cari gali, Amira tetap nekad untuk menemui Malique. Amira merasakan Malique mempunyai maklumat dan turut terlibat dalam usaha cari gali emas yang cuba dijalankan di kawasan Bukit Mat Raya. Walaupun tindakannya itu gagal, malah membawa padah kerana dia dihanyutkan arus deras, tetapi Amira berjaya meyakinkan ibunya dengan segala tindakan yang dilakukannya (Amer Hmzah, hal. 67–72). Tindakan Amira menemui Malique menjadi pencetus kepada kebenaran bahawa sememangnya wujud usaha oleh O’Hara untuk mencari gali emas di kawasan berkenaan.

Amira juga sering berfikir secara imaginatif tetapi dibantu dan disokong dengan pengetahuan yang dimilikinya. Ketika kehilangan Malique dan usaha mencarinya mula menuju jalan buntu, sifat imaginatif Amira berjaya merungkai permasalahan.

“Kesan tapak kaki yang tidak berkasut menuju ke arah serokan itu. Air yang menitis akan mengalir ke arah serokan lalu menghilang. Kita perlu ikut aliran air ini. Mungkin dia akan membawa kita ke satu tempat yang kita tidak pasti.” Amira menunjuk ke arah air yang mengalir halus lalu memberi cadangan ketika mereka dalam kebingungan. Itai diam bagai terfikir sesuatu kerana kata-kata Amira ada benarnya.”

(Amer Hmzah, hal. 293)

Ternyata andaian dan tebakan Amira benar kerana beliau tidak membuat satu andaian yang kosong tanpa asas. Pengetahuan Amira tentang geografi dan arkeologi dimanfaatkan bagi menyelesaikan masalah kehilangan Malique. Mereka akhirnya berjaya menemui Malique yang disembunyikan oleh lembaga misteri di salah sebuah lubang gua hasil pemikiran kekreatifan yang dimiliki oleh Amira.

Kesimpulan

Karya kesusasteraan khususnya novel remaja yang baik bukan sahaja perlu berkualiti dari aspek pemikiran dan estetikanya, malah dalam masa yang sama watak yang dikemukakan mampu menjadi modal insan yang sesuai dicontohi oleh pelajar. Ternyata menerusi novel ini,

Amer Hmzah L. Kadir berjaya merangkumkan pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan dalam usaha mengangkat keperibadian terpuji watak utamanya Amira. Sekaligus, pengarang berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengarang dengan mempersembahkan karya yang dapat memberikan dampak positif kepada masyarakat. Walaupun novel remaja ini membawa wacana yang serius, *Kembara Amira* masih berjaya mencitrakan keunggulan modal insan Amira yang jauh lebih matang dari usianya ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan di Desa Karpus dan Bukit Mat Raya. Penelitian watak Amira menerusi Teori SPB4K membuktikan bahawa watak ini boleh diangkat oleh para guru sebagai ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh pelajar dengan menganalisisnya menerusi pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan. Apa yang diperlukan ialah kebijaksanaan dan kekreatifan para guru dalam merancang dan membina P&P agar ciri-ciri modal insan yang dimiliki oleh Amira lebih diberikan fokus berbanding kajian secara struktural atau formalistik seperti yang dilakukan sekarang di dalam kelas.

Rujukan

- Amer Hmzah L. Kadir. (2010). *Kembara Amira: Edisi Murid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Ibrahim Mohamad. (2011). Sastra dalam pendidikan sekolah. Dlm. A. Halim Ali, Mana Sikana, dan Mohd. Rosli Saludin (edt). *Sastra membina peradaban bangsa*. Hlm. 1 – 12. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misran Rokimin. (2006). *Isu pendidikan dan pembangunan insan menerusi novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Saleh Rahamad. (2010). Krisis Keyakinan dalam Pendidikan Sastra di Malaysia. *Dewan Sastra*. Februari, hal. 40–48.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir. (2007). *Komsas Pegangan Teras Keterampilan*. Kuala Lumpur: Icon Region.
- Nor Raudah Siren. (2006). *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Othman Puteh. (1995). *Pengisian Dunia Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006–2010*. 2006. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2009*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. 1993. Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.